

25 AUG 2001

PBDS SUDAH BERSEDIA UNTUK PILIHAN RAYA, KATA MOGGIE

SIBU, 25 Ogos (Bernama) -- Party Bansa Dayak Sarawak (PBDS) bersedia sepenuhnya untuk menghadapi pilihan raya negeri.

Presiden parti Datuk Amar Leo Moggie berkata kecuali bagi Pelagus, penyandang di tujuh kawasan lain akan dikekalkan untuk bertanding.

Bagi Pelagus, penyandang Datuk Sng Chee Hua akan digantikan oleh anaknya Larry Sng dan Majlis Tertinggi parti telah meluluskan pencalonannya.

Moggie berkata beliau menyerahkan kepada pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud untuk mengemukakan senarai calon parti kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti di sini.

Mengenai perasaan tidak puas hati di kalangan pengundi Pelagus mengenai pencalonan Larry, Moggie berkata PBDS berasa agak selesa dengan mencalonkannya.

"Beliau mempunyai latarbelakang politik yang baik kerana datuk dan bapanya aktif dalam politik setempat dan menjadi pemimpin di peringkat parlimen dan negeri," kata beliau.

-- BERNAMA

ESS JK FAZ